

SULIT

1103/2

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
September
2015
2 $\frac{1}{2}$ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2015

BAHASA MELAYU

-Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dan kekangannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Inovasi dan kreativiti pada hari ini menjadi perkataan keramat yang mula mendapat perhatian. Elemen ini melibatkan kombinasi antara idea baharu dengan idea lama yang diproses semula, membuat pemilihan dan menukar ganti menjadi suatu yang baharu. Jika dijadikan budaya, serta amalan hidup, inovasi mampu memperkasakan negara sebagai penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Hal ini menyebabkan negara perlu meningkatkan budaya inovasi mulai sekarang agar Malaysia tidak akan berhadapan dengan masalah ekonomi yang serius pada masa akan datang.

Unit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana Menteri, ditubuhkan pada Ogos 2010 dengan tujuan supaya budaya inovasi dan kreativiti diketengahkan secara aktif dan akan melangkah lebih jauh dengan menjadi pencipta. Malaysia perlu menghala ke arah model ekonomi baharu yang berpaksikan pengetahuan dan inovasi. Malaysia kini berada di kedudukan ke-32 daripada 141 buah negara dalam kemajuan bidang inovasi menerusi Indeks Inovasi Global 2012 yang dikeluarkan *Insead Business School* Switzerland pada November 2012.

Kita masih jauh ditinggalkan negara maju seperti Singapura yang berada di tangga ketiga, Denmark (7), New Zealand (13), dan Jepun (25). Oleh itu, pelancaran Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 diharap akan melonjakkan agenda transformasi dan inovasi negara di samping menjanakan modal insan yang berkompentensi dan mampu menguasai bidang sains dan teknologi.

Dalam hal ini kerajaan turut menyediakan pengiktirafan untuk menggalakkan inovasi seperti Anugerah Saintis Muda Negara dan Anugerah Cipta 1 Malaysia (CIPTA). Penekanan kerajaan terhadap inovasi telah menghasilkan 310 produk daripada 1862 projek penyelidikan dan pembangunan melalui geran MOSTI dan berjaya dipasarkan di dalam dan di luar negara. MOSTI sentiasa berusaha memberikan galakan kepada rakyat menerusi penyediaan pembiayaan dana yang dikenali sebagai *Sciencefund* dan *Innofund*.

Dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP), Malaysia telah meletakkan inovasi sebagai pemacu pertumbuhan utama. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, mencadangkan setiap kementerian dan agensi kerajaan menubuhkan satu unit inovasi khas yang bertanggungjawab terhadap pelbagai kegiatan dan program inovasi masing-masing. Guru haruslah mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang memerlukan murid berfikir dengan kreatif seperti membuat projek, kerja berkumpulan dan tugasan di luar bilik darjah. Aktiviti tersebut menggalakkan murid berfikir,berbincang, membuat rujukan, menyediakan nota dan menghasilkan tugasan tersebut.

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

Dengan adanya penyiaran rancangan TV realiti yang berbentuk inovasi, tahap kreativiti dan pemikiran rakyat Malaysia akan mampu dijanakan setaraf dengan bangsa maju lain di dunia. Sebarang hasil dan inovasi yang berguna kelak menjadi legasi dan *khazanah berharga* yang dikenang sepanjang zaman. Tegasnya segala bentuk pengiktirafan dan ganjaran yang sewajarnya haruslah diberikan kepada pereka cipta yang berjaya menghasilkan inovasi dalam usaha untuk meningkatkan serta menggalakkan penyertaan masyarakat terhadap bidang yang mampu melonjakkan ekonomi negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Menyemarakkan Budaya Inovasi dan Kreativiti'
oleh Hj. Samat b. Buang,
Dewan Siswa, Mac 2013

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *khazanah berharga*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan budaya inovasi dan kreativiti kepada negara Malaysia.
Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah pihak sekolah menubuhkan Kelab Kreativiti dan Inovasi di sekolah? Berikan alasan anda. [4 markah]

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pada suatu petang, si penjaga panggung datang ke panggung meskipun dia tidak bertugas pada waktu itu, hanya bertugas pada waktu malam. Kedatangannya itu semata-mata didorong oleh keinginannya untuk bersemuka dengan si hero (memang saban petang para pelakon menjalankan latihan kerana pada sebelah malamnya harus menjayakan sandiwara).

Nasib si penjaga panggung memang ternyata baik. Dia sampai di panggung itu ketika para pelakon sudah selesai menjalani latihan. Sewaktu para pelakon bubar dan bersiap sedia untuk pulang, si penjaga panggung mendekati si hero, lalu berjabat salam dengan si hero pujaannya itu.

“Memang hebat lakonan saudara.”

“Biasa saja,” sambut si hero, merendah diri. “Hebat di atas pentas tidak semestinya saya juga hebat dalam kehidupan yang sebenarnya.”

Si penjaga panggung sedikit tertunduk, seolah-olah malu menatap wajah si hero.

“Memang saya hero dalam sandiwara ini, tetapi hero buatan orang. Bukan hero buatan saya sendiri. Saya menjadi hero kerana sutradara mempercayai saya untuk membawakan watak itu. Tidak lebih daripada itu,” sambung si hero.

“Tapi ... tapi saudara memang benar-benar hebat. Err ... maksud saya, hebat sebagai pelakon.”

“Ya, mungkin juga. Sebagai pelakon, saya harus menunjukkan keterampilan saya yang sebenarnya. Meski ini hanya lakonan, bukan kehidupan saya yang sebenarnya, namun saya bertanggungjawab dalam memikul amanah ini. Ya, amanah sutradara, juga harga beberapa helai wang kertas yang dikeluarkan oleh penonton untuk menyaksikan sandiwara ini.”

Dipetik daripada cerpen ‘Idola’
oleh Zaen Kasturi
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Mengapakah nasib penjaga panggung dikatakan baik pada petang itu? [2 markah]
- (ii) Seseorang artis mempunyai pengaruh yang kuat kepada masyarakat, khususnya para remaja.
Berikan pendapat anda tentang kriteria seseorang artis yang patut dijadikan idola. [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan satu persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tuan Nakhoda Tua merasa takjub melihatkan demikian banyaknya wang dinar emas di dalam geliung itu. “Panggilkan Awang Sulung ke mari!” perintah baginda kepada jurubatu sementara jurumudi mulai menggeletar ketakutan.

Awang Sulung enggan menghadap, kerana katanya beliau anak sakai yang tidak layak datang menghadap.

Mendengar jawapan itu Tuan Nakhoda Tua bertanya kepada puterinya, “Wahai anakanda, nampaknya Awang Sulung telah berkecil hati kepada ayahanda, sedangkan dulu ayahanda tidak tahu tentang kelebihannya! Pergilah anakanda memanggilnya pula.”

“Anakanda tidak mahu, ayahanda. Adakah patut *enau mencari sigai*, lesung mendapatkan antan? Pergilah ayahanda memanggilnya sendiri.”

Mahu tak mahu terpaksa Tuan Nakhoda Tua berangkat sendiri ke jubungan seraya bertitah, “Wahai anakanda, janganlah berkecil hati dengan perbuatan ayahanda, kerana ayahanda ini sudah tua: penglihatan sudah kabur, pendengaran pun sudah kurang, haram ayahanda tidak mengetahui bahawa rupa-rupanya anakandalah yang telah memelihara geliung ini seisi-isinya!”

“Ampun Tuan, titah Tuan itu adalah benar, tetapi patik adalah menumpang teduh di dalam geliung ini saja, patik telah berhutang dan patik belum pun melunaskannya lagi.”

Dipetik daripada
‘Pelayaran yang Penuh Peristiwa’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *enau mencari sigai*. [2 markah]

(ii) Tuan Nakhoda Tua telah menyatakan beberapa perkara semasa baginda bertemu dengan Awang Sulung Merah Muda.

Nyatakan perkara-perkara tersebut.

[3 markah]

(iii) Tuan Puteri Dayang Seri Jawa enggan menurut permintaan ayahnya supaya memanggil Awang Sulung Merah Muda.

Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa itu?

[3 markah]

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Soalan 2 (d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

*Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.*

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak penuh dengan kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalankan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki)
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (i) Berikan maksud,

*Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.*

[2 markah]

- (ii) Dalam gurindam tersebut, penyair ada mengingatkan kita agar mengutamakan sikap berhemat.

Pada pendapat anda, apakah yang mesti kita lakukan sebelum berbelanja?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) buka
- (ii) membukakan
- (iii) keterbukaan
- (iv) lalu
- (v) melalukan
- (vi) keterlaluan

[6 markah]

(b) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian cerakinkan petikan itu menjadi enam ayat dengan mengekalkan susunan dan maksud asalnya.*

Rasuah merupakan penyakit sosial yang perlu dibanteras tanpa sebarang kompromi. Pihak yang terlibat dalam gejala ini perlu diheret ke muka pengadilan dengan dikenakan hukuman berat. Amalan buruk ini mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat malah mampu melumpuhkan ekonomi negara.

[6 markah]

suhaidi-junuh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Hakim menfailkan saman di mahkamah untuk menuntut hakmilik tanah datuknya.
- (ii) Pelibatan murid dalam kegiatan kokurikulum akan perkasakan syahsiah dan jati diri mereka.
- (iii) Individu yang alami masalah keyakinan diri sering berasa was-was ketika membuat keputusan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Semua pekerja awam perlu akur dan menyokong penuh dasar kerajaan dari masa ke semasa.
- (ii) Institusi perbankan perlu lebih tulus untuk urusan pemberian pinjaman kepada para pembeli rumah kos rendah.
- (iii) Golongan peniaga yang melakukan kegiatan pencatuan telah pihak yang berwajib denda.

[6 markah]

(e) *Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) Kacang lupakan kulit
- (ii) Seperti lembu dicucuk hidung
- (iii) Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit

[6 markah]

suhaidi-junoh
[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Pengarang telah menggunakan beberapa teknik plot agar penyampaian cerita menjadi lebih menarik.

Huraikan **dua teknik plot** dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7 *markah*]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, huraikan **satu kritikan sosial** yang digunakan oleh pengarang dalam setiap novel tersebut.

[8 *markah*]**KERTAS SOALAN TAMAT**